

10/09/2002

Hospital swasta dakwa tawar khidmat percuma

Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) mendakwa anggotanya sudah menawarkan khidmat percuma atau pengurangan bayaran kepada pesakit miskin tetapi tidak mendedahkannya kerana khuatir ia disalahgunakan.

Presiden APHM, Datuk Dr Ridzwan Bakar, berkata bantuan kebajikan itu memang sudah menjadi amalan 94 anggotanya untuk sekian lama.

"Namun ia tidak boleh didedahkan kepada awam kerana ia mungkin disalahgunakan," katanya dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya pada majlis makan malam Institut Jantung Negara (IJN) semalam berkata bagi membolehkan pesakit miskin menikmati perkhidmatan, hospital swasta disaran mengurangkan kos bayaran rawatan dan pembedahan.

Pakar perubatan pula disaran melupakan caj yang dikenakan kepada pesakit.

Dr Ridzwan berkata antara yang sudah ditawarkan hospital swasta kepada pesakit miskin ialah mengenakan caj tanpa mengambil keuntungan dan memberi perkhidmatan percuma apabila perlu di jabatan kecemasan.

"Adalah menjadi amalan hospital swasta untuk memberi rawatan kepada mana-mana pesakit yang dibawa ke jabatan kecemasan dalam keadaan tidak stabil," katanya.

Dr Ridzwan berkata, apa yang tidak difahami orang ramai adalah bayaran bagi perkhidmatan hospital swasta dikenakan selepas mengambil kira kos sebenar rawatan perubatan (tanpa elemen subsidi).

"Mentaliti subsidi berikutan rawatan yang diterima daripada hospital kerajaan menghalang orang ramai untuk menilai kos sebenar rawatan perubatan berkenaan.

"Pengawalan terhadap kos penjagaan kesihatan adalah cabaran besar untuk mana-mana kerajaan di dunia," katanya.

Beliau memberi contoh, pembedahan rutin pintasan jantung di mana-mana hospital swasta di Malaysia (sehingga RM26,000) adalah termurah di antara negara di rantau Asia Pasifik (di Singapura sekurang-kurangnya RM38,000).

Pembedahan pemindahan hati pula katanya yang menelan perbelanjaan RM265,000 di Malaysia, sebaliknya kos di negara jiran sekurang-kurangnya RM800,000 .

Pada masa sama, katanya, terdapat anggapan negatif yang mengatakan hospital swasta mengaut keuntungan lebih.

"Dalam tinjauan terkini terhadap akaun yang diaudit di 46 hospital swasta, satu pertiga daripadanya mengalami kerugian dan hanya 13 peratus mendapat lebih 10 peratus daripada keuntungan bersih," katanya.

Beliau menjelaskan, apabila pesakit membayar untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta, satu pertiga daripadanya diperuntukkan kepada doktor dan selebihnya kepada pemilik hospital yang dipertanggungjawabkan untuk menentukan kos tetap seperti gaji serta kos perubatan dan peralatan.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Tan Sri Lee Lam Thye, mencadangkan supaya hospital swasta mengenakan bayaran lebih kepada pesakit berkemampuan dan sebaliknya.

"Lebih bayaran yang dikutip ini boleh dimasukkan ke dalam sebuah tabung yang diwujudkan bagi membantu pesakit miskin," katanya.

Sementara itu, ada pihak juga mempersoalkan ketelusan sesetengah hospital swasta dalam menentukan caj terhadap pesakitnya dengan ada yang mengenakan caj yang agak berlebihan sehingga RM175 hanya untuk berjumpa

dengan doktor tanpa diberi sebarang ubat atau RM1,000 setiap kali dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).